

02 FEBRUARI 2018

Sepasang kekasih diberkas edar dadah

Sepasang kekasih diberkas edar dadah

BATU GAJAH - Sepasang kekasih yang dipercayai giat menjalankan aktiviti mengedar dadah di sekitar daerah Batu Gajah di sini ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Besar Bemban Baru di sini.

Pasangan kekasih berusia 32 dan 47 tahun tersebut ditahan pada pukul 2.45 petang 24 Januari lalu. Lelaki tempatan dan wanita warga Vietnam itu dipercayai telah bergiat sejak empat bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Asisten Komisyoner Ahmad Tarmizi Shaari berkata, dalam serbuan itu, polis menemui satu botol cecair klorofom 500 mililiter dipercayai digunakan untuk

menghasilkan dadah.

"Polis turut menemui dadah jenis heroin seberat 27 gram (g), ketamin (1.12 g) dan kafein (24.2 g) dipercayai untuk diedarkan di sekitar Batu Gajah.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti pembabit suspek wanita itu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, ujian air kencing yang dilakukan terhadap kedua-dua mereka mendapati lelaki itu positif dadah jenis morfin manakala teman wanitanya positif syabu.

Menurut Ahmad Tarmizi, polis turut menyita sebuah kereta Audi TT milik suspek lelaki yang bernilai RM100,000.